

**Saya Tak Ada Niat Bertanding PRU13, Kata Dr Mahathir
Bernama
13 April, 2013**

PENDANG, 13 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak berniat untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13), sebaliknya mahu menolong Umno dan Barisan Nasional(BN) menang pada PRU kali ini.

Dr Mahathir berkata beliau mahu mengucapkan terima kasih dengan membalas budi kepada Umno dan BN yang selama ini memberi pertolongan kepadanya hingga menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

"Orang yang dapat pertolongan mesti ucap terima kasih. Saya cuba tolong Umno dan BN dalam kempen sebagai cara nak lahirkan ucapan terima kasih. Saya tak ada niat untuk bertanding. Bila saya dah buat keputusan saya tak akan patah balik," katanya kepada pemberita selepas Majlis Himpunan Rakyat 2013 di Perkarangan Pejabat Umno Pendang di sini Sabtu.

Ditanya mengenai komen Naib Presiden PAS Datuk Husam Musa yang mahu Dr Mahathir tidak memberi sebarang komen politik dalam PRU13, Dr Mahathir berkata beliau cuma mengamalkan kebebasan bersuara.

"PAS yang belum menjadi kerajaan bertindak mahu menutup mulut orang yang beri komen dan apabila telah menjadi kerajaan nanti sesiapa yang melawan parti itu akan ditangkap dan dimasukkan dalam jel," katanya.

Dr Mahathir berkata pemimpin PAS hanya menggunakan Islam untuk meraih undi serta menang pada pilihan raya dan langsung tidak mempunyai niat untuk memperjuang dan mendirikan sebuah negara Islam seperti yang dilaung-laungkan selama ini.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua anggota PAS meninggalkan parti itu kerana selama ini pemimpin parti itu banyak melakukan pembohongan kepada rakyat.

Katanya Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat juga sanggup mengkafirkan anggota dan penyokong Umno walaupun anggota Umno itu ibu bapa dan nenek moyang mereka sendiri.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941823>